

**Pelarasan Formula Pembahagian Kerusi Cerminkan Kesungguhan BN
Bernama
17 Oktober , 2011**

KOTA KINABALU, 17 Okt (Bernama) -- Pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak semalam mengenai pelarasan formula pembahagian kerusi Barisan Nasional dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang mencerminkan kesungguhan BN agar terus relevan sebagai pilihan terbaik rakyat.

Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman, yang juga Pengerusi Perhubungan BN Negeri, menyifatkan keputusan itu sebagai tepat dan langkah dinamik sesuai dengan senario dan cabaran politik semasa negara.

"Menerusi perbincangan terbuka dan semangat tinggi kalangan semua pemimpin komponen BN akan menghasilkan formula terbaik dalam menentukan pembahagian kerusi dan pemilihan calon boleh menang dalam PRU kelak," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat dan Pembasmian Kemiskinan Peringkat Negeri di sini Isnin.

Semalam, Najib, yang juga Pengerusi BN, berkata rombakan akan dibuat pada perkara yang perlu sahaja bagi memastikan pelarasan baru formula pembahagian kerusi itu membawa kejayaan besar kepada BN dalam PRU.

Terdahulu, Musa berkata jumlah ketua isi rumah miskin tegar (KIRMT) di Sabah masih besar iaitu 4,657 orang sehingga 5 Okt lepas.

Beliau berkata kerajaan akan terus merancang program pertanian dan akuakultur sebagai usaha mengurangkan kadar kemiskinan tegar.

---BERNAMA

Hakcipta© 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=620396>